

## Pertandingan Masakan Resipi Sihat Tradisi Sarawak

20 NOVEMBER 2021

Program Pertandingan Masakan Resipi Sihat Tradisi Sarawak anjuran Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) telah diadakan secara serentak di Kuching dan Sibu, masing-masing diadakan di Bangunan PPWS.

Pelbagai menu sihat telah disediakan dan dipertandingkan oleh peserta dalam kalangan ahli-ahli PPWS sejajar dengan objektif Program Dapur WI "Sihat, Ceria, Selamat" yang telah dilancarkan oleh isteri YAB Ketua Menteri Sarawak pada tahun 2019 yang lepas. Modul Program Dapur WI yang disusun bertemakan "Sihat, Ceria, Selamat" diharap dapat memberi panduan kepada ahli-ahli PPWS seluruh Sarawak khususnya yang berada di luar bandar untuk mengamalkan budaya sihat dalam kehidupan sehari-hari mereka. Diharap juga wanita-wanita yang terdiri daripada pelbagai golongan umur dan latar belakang mempunyai kesedaran akan pentingnya didikan asas dalam aspek kesihatan dan kebersihan diterapkan dalam diri anak-anak sejak kecil lagi." Beberapa orang wakil dari Cawangan akan didekahkan ilmu berkenaan makanan dan pemakanan (*food literacy*) untuk diajar di kampung-kampung.

Meskipun berdepan dengan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Permudahan (PKPP), PPWS sentiasa memastikan aspirasi dan program berjaya dilaksanakan dan mematuhi SOP yang disarankan oleh pihak kerajaan. Program yang dianjurkan tersebut juga telah mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa.

Program pertandingan di Kuching turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail. Resipi-resipi yang diinovasikan ini akan dikumpul dan akan dibukukan dalam buku resipi terbaru PPWS nanti. Pemenang Masakan Resipi Sihat Tradisi Sarawak yang mendapat tempat Top 5 juga layak mengikuti Pertandingan Masakan Resipi Sihat melalui video.

Pemenang Tempat Pertama di Kuching ialah Puan Jauyah Zaidi menyediakan menu Ayam Pansuh versi Modern, Umai Ikan Pirang dan Jus Epal Plum. Tempat Kedua telah dimenangi oleh Puan Mary Kanying dan Tempat Ketiga dimenangi oleh Puan Hajah Jamilah Sapawi.

Pemenang Tempat Pertama di Sibu ialah Puan Kartiah Basri menyediakan menu Sayur Rebus Pucuk Timun dan Ikan Bakar Sardin, Ulaman-ulaman dan Jus Nanas Sunquick . Tempat Kedua telah dimenangi oleh Puan Dayang Ini binti Awang Bujang dan Tempat Ketiga dimenangi oleh Puan Zaharah binti Bustami.

Hadiyah yang disediakan ialah:

- Hadiyah Tempat Pertama : RM300.00 dan sijil penyertaan digital
- Hadiyah Tempat Kedua : RM250.00 dan sijil penyertaan digital
- Hadiyah Tempat Ketiga : RM150.00 dan sijil penyertaan digital



Pertandingan Masakan Resipi Sihat Tradisi Sarawak Anjuran PPWS Cawangan Kuching/Samarahan di Ibu Pejabat PPWS, Jalan Green, Kuching



Pertandingan Masakan Resipi Sihat Tradisi Sarawak Anjuran PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit di Pejabat PPWS, Jalan Awang Ramli Amit, Sibu.

# Perutusan

## Pengerusi Negeri



**A**ssalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan rasa syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana Mutiara Berita PPWS Edisi Januari - Disember 2021, Bil 142 telah berjaya diterbitkan.

Meskipun berdepan dengan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Permudahan (PKPP), PPWS sentiasa memastikan aspirasi dan program yang telah dipertanggungjawabkan oleh pihak Kerajaan dikoordinasikan oleh Jawatankuasa Induk PPWS berjaya dilaksanakan dan memberi manfaat kepada ahli-ahli PPWS seluruh Negeri khususnya dan masyarakat Sarawak amnya.

Sebagai contoh, di bawah Jawatankuasa Kecil Keusahawanan, PPWS telah menganjurkan program E-Forum Menerokai Peluang Perniagaan: Jualan Atas Talian dengan kerjasama SDEC, SEDC serta CENTEXS COMMERCIAL. Serba DigitalX turut membantu PPWS dalam menyiaran e-forum kita secara Live Streaming di Facebook Page PPWS kali ini.

Kita semua sedia maklum bahawa kita berdepan dengan cabaran pandemik disebabkan oleh COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh Kerajaan telah sedikit sebanyak menjelaskan mata pencarian ahli penjaja dan peniaga termasuk usahanita PPWS. Oleh itu, pihak PPWS mengambil inisiatif untuk mengadakan e-Forum bagi meningkatkan kesedaran dan persediaan usahawan termasuk usahanita PPWS untuk melibatkan diri atau berkecimpung secara aktif dalam era ekonomi digital kini.

Apa yang diusahakan oleh PPWS melalui Jawatankuasa Kecil Keusahawanaan adalah seiring dengan usaha pendigitalan oleh Kerajaan Sarawak dan memetik kata-kata Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, iaitu "Nobody is left behind" terutama mereka yang berada di luar bandar. Melalui Digital Inclusivity Program serta kempen kesedaran untuk komuniti di luar bandar, banyak inisiatif telah dilaksanakan dan seterusnya menyediakan ruang untuk mereka terlibat dalam apa juga bidang yang berkaitan digital.

Saya harap usahanita PPWS dapat menerokai peluang perniagaan berlandaskan atas talian setelah mendengar perkongsian maklumat maupun idea melalui e-forum yang dianjurkan. Bagi ahli PPWS yang kini sudah terlibat dalam perniagaan atas talian, diharap mereka akan dapat terus menambahbaik dan mengembangkan perniagaan mereka keluar Negeri Sarawak maupun ke peringkat antarabangsa. Usahanita PPWS khususnya hendaklah merebut peluang memulakan perniagaan secara atas talian kerana pendekatan ini dilihat melibatkan kos yang rendah tetapi mampu menjana keuntungan atau pulangan yang lumayan.

Sejak bulan Mac 2020 sehingga bulan November 2021, PPWS telah mengadakan 23 buah kursus atas talian selain ahli-ahli PPWS juga berpeluang mengikuti kursus yang dianjurkan oleh agensi atau pertubuhan NGO lain.

Kesemua ini menunjukkan bahawa PPWS senantiasa memacu dan mengutamakan pembangunan ilmu dalam kelangan ahli-ahlinya walau pun berdepan dengan cabaran wabak COVID-19 dan amalan norma baru.

Akhir kata, terima kasih atas kerjasama dan sokongan yang diberikan oleh ahli-ahli PPWS dan semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Tidak dilupakan juga rakan strategik PPWS yang bekerjasama dengan PPWS sepanjang tahun 2021. PPWS akan meneruskan usaha untuk membantu ahli-ahli menambah ilmu bagi meningkatkan taraf ekonomi serta mengukuhkan kesejahteraan keluarga pada masa hadapan.

**DATO HAJAH NORHYATI BINTI HAJI MOHD ISMAIL**  
Pengerusi Negeri,  
Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS)

<http://www.ppws.org.my>

sfw162@hotmail.com  
sfwi62@yahoo.com

082-244015

082-237395

Ppws HQ

Ibu Pejabat PPWS,  
Tingkat 1, Sublot 1, Lot 68-71,  
Jalan Green, 93150 Kuching

Webinar Pemakanan Sihat dan Selamat telah diadakan dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak. Pengambilan makanan yang pelbagai dan seimbang boleh memberi gabungan tenaga dan zat-zat makanan yang berbeza, dapat membantu menjaga kesihatan secara am dan mendapatkan tenaga yang mencukupi untuk fungsi harian.

Salah satu faktor kepada diet yang sihat dan seimbang adalah makan secara sederhana. Ini termasuk:

1. Makan mengikut keperluan tenaga seharian anda
2. Mengambil jumlah hidangan yang betul

Pengambilan diet yang terdiri daripada pelbagai sumber bijirin, buah-buahan dan sayur-sayuran, daging, ikan, ayam, kekacang, dan produk tenusu memenuhi keperluan protein, karbohidrat, lemak, vitamin dan mineral yang penting untuk fungsi badan anda.



## Sesi Temuramah Untuk Buku Ulang Tahun Ke-60 PPWS

Sempena Ulang Tahun Ke-60 PPWS, satu buku khas akan diterbitkan dengan menemuramah ahli-ahli PPWS bagi menceritakan pengalaman mereka bergiat dalam PPWS. Sesi temuramah dibantu oleh Dr Maria Corazon M. Cortez dan Puan Sharifah Aini dari Faradale Media-M Sdn Bhd.

9 Mac 2020

Temuramah bersama YBhg. Datin Amar Hajah Fatimah Jamil,  
Ahli Seumur Hidup PPWS



12 Mac 2020

Temuramah bersama YBhg. Datin Siti Zaharah, Ahli Seumur Hidup PPWS



## Webinar Jana Pendapatan Dari Rumah 25 MAC 2021

Sejak hari pertama Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di negara ini hingga kini, mencatatkan kenaikan kes COVID-19. Bagi meningkatkan keberkesanan PKP dalam memutuskan virus coronavirus, Perdana Menteri mengumumkan tempoh PKP dipanjangkan dua minggu lagi hingga 14 April ini.

Ramai sedar kepentingan meneruskan tempoh PKP, namun kegusaran tetap ada bagi mereka bergaji harian atau peniaga kecil yang tidak lagi dibenarkan membuka gerai sepanjang tempoh ini. Tiada lagi punca rezeki bagi meneruskan kelangsungan hidup.

Webinar ini diadakan dengan inisiatif Jawatankuasa Kecil Keusahawanan bagi memberi idea kepada ahli-ahli PPWS menjalankan perniagaan dari rumah untuk membantu menambah pendapatan keluarga. Selain itu, Kerajaan juga telah mengambil beberapa inisiatif Pelan Rangsangan Ekonomi bagi membantu kelangsungan hidup golongan paling terkesan.

## Sesi Pembungkusan Dan Pelabelan Nasi Himpit Sempena Program Sumbangsih Raya Gawai 2021

7 APRIL 2021

Gotong-royong pembungkusan dan pelabelan nasi himpit untuk Program Sumbangsih Raya Gawai 2021 telah diadakan bersama ahli-ahli di PPWS Daerah Kuching. Program ini diselaraskan oleh Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS). Seramai 10 buah NGO termasuk PPWS menjadi pembekal kepada kuih muih untuk diberikan kepada *frontliners* COVID-19 sempena Hari Raya dan Hari Gawai.



## Webinar Sempena Sambutan Hari PPWS 2021 COVID-19: Cabar dan Peluang NGO 8 MEI 2021

Webinar ini telah diadakan dengan menjemput panel daripada Majlis Kebajikan Sosial Sarawak dan Pink Ribbon Support Group Sarawak. Webinar ini berkongsi cabaran dan peluang badan pertubuhan kerajaan (NGO) semasa mendepani COVID-19 dan juga berkongsi maklumat tentang wabak COVID-19 dan penjagaan kesihatan untuk meningkatkan imuniti tubuh badan masing-masing. Dato Hajah Norhyati binti Haji Mohd Ismail, Pengurus Negeri PPWS dijemput untuk menyampaikan Ucapan Penutupan Webinar ini. Ramai ahli-ahli PPWS dari bandar maupun luar bandar mengikuti webinar ini secara atas talian.



## Webinar Penyediaan Makanan Selamat Di Rumah

26 JUN 2021

Webinar ini dianjurkan PPWS dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak. Webinar ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada semua pengusaha makanan yang menyediakan makanan di rumah untuk tujuan jualan makanan yang selamat dan makanan yang bebas dari pencemaran. Penyediaan makanan yang selamat adalah penting untuk mencegah keracunan makanan. Lima (5) tips/kunci keselamatan makanan iaitu jaga kebersihan, asingkan makanan mentah daripada makanan yang sudah masak, masak dengan cara betul, simpan makanan pada suhu yang selamat dan akhir sekali guna sumber yang selamat.



## Webinar Keperluan Penyenaraian Industri Makanan Home-Based 3 JULAI 2021

Webinar Keperluan Penyenaraian Industri Makanan Home-Based dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak (JKNS). Penceramah jemputan ialah Encik Mohamad Faez Adenan Pegawai Teknologi Makanan daripada JKNS. Seramai seratus (100) orang peserta telah menghadiri webinar ini.

Keperluan penyenaraian ini diperkenalkan bagi menggalakkan pengusaha *home-based food* mengamalkan amalan kebersihan dan penyediaan makanan yang selamat seterusnya mematuhi keperluan perundungan semasa. Melalui penyenaraian ini, pengusaha *home-based food* mampu meningkatkan hasil jualan melalui penggunaan logo pada label produk yang dihasilkan, sekaligus meningkatkan keyakinan pengguna.

Garis panduan ini dibangunkan bagi mencapai objektif berikut:

- Memastikan penyediaan makanan sediaan di rumah (*home-based food*) bagi tujuan jualan memenuhi keperluan amalan kebersihan dan keselamatan makanan.
- Menjamin makanan sediaan di rumah (*home-based food*) tidak tercemar dan menyebabkan keracunan makanan kepada pelanggan.
- Menyediakan satu panduan kebersihan dan keselamatan bagi makanan sediaan di rumah (*home-based food*) secara selamat.






**Webinar Penghasilan Tanaman Makanan**

Tarikh: 10 Julai 2021 (Sabtu)  
Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi

Platform: Aplikasi ZOOM  
Meeting ID: 856 8807 4362  
Passcode: 520428

e-Sijil disediakan kepada semua peserta



## Sesi Perkongsian Platform Jual Beli Online Oleh Timogah.com

25 JULAI 2021

Menerusi aplikasi jual beli secara atas talian seperti Timogah.com, platform ini merupakan medium menghubungkan peniaga dan pelanggan untuk membeli sumber makanan harian. Kini, platform sebegini adalah sangat relevan selaras dengan arus perubahan yang menekankan kepentingan ekonomi digital dan kaedah penjualan E-Commerce.

Penganjuran program ini diharap memberi manfaat khususnya ahli PPWS yang bergiat dalam bidang pertanian atau usahawan yang bergiat menghasilkan produk tempatan untuk meningkatkan jualan.

Penghargaan terima kasih kepada Encik Heineken Laluan, CEO Syarikat Timogah atas perkongsian dalam webinaryang dianjurkan PPWS. Diharap agar Timogah.com dapat menyumbang kepada perkembangan ekonomi digital di Negeri Sarawak sekaligus membawa industri pertanian Sarawak ke peringkat lebih tinggi.

## Webinar Penghasilan Tanaman Makanan

10 JULAI 2021

Ada banyak kelebihan bila memiliki kebun dapur anda sendiri di rumah. Tanaman yang ditanam boleh diambil segar dari kebun dan terus dapat dimasak. Kita tidak perlu khuatir dengan kandungan racun perosak yang digunakan.

Kini, ramai yang berjinak-jinak dengan konsep penanaman kebun dapur dan juga 'edible garden'. Aktiviti penanaman juga boleh dilakukan di ruang yang minimum.

PPWS dengan kerjasama Jabatan Pertanian Sarawak telah mengadakan Webinar penghasilan tanaman makanan untuk peserta mendapat ilmu serta tips penanaman tanaman di rumah.

Terima kasih kepada penceramah jemputan, Puan Roslita Sarepin daripada Jabatan Pertanian Sarawak. Diharap peserta mendapat manfaat daripada perkongsian.




## Bengkel Tataurus Belanjawan Harian 7 OGOS 2021

Berita  
IBU PEJABAT



### Bengkel Celik Kewangan (Dewasa) 14 OGOS 2021

Bengkel Celik Kewangan (Dewasa) dianjurkan oleh PPWS dengan kerjasama PurpleLily Kuching bertujuan untuk meningkatkan celik kewangan di kalangan wanita khususnya ahli-ahli PPWS supaya mula berdikari dari segi kewangan. Objektif program ini diadakan adalah untuk melengkapkan wanita dengan pengetahuan dan kemahiran kewangan yang mencukupi dan mengurangkan kadar muflis yang semakin meningkat. Mereka yang celik kewangan boleh membuat keputusan kewangan yang bijak untuk diri sendiri dan juga keluarga sama ada pelaburan, simpanan atau anggaran perbelanjaan sekaligus menjadikan anda semakin yakin menguruskan kehidupan.



Bengkel Tataurus Belanjawan Harian (Keluarga) dengan kerjasama PurpleLily Kuching ini bertujuan mengajar tips menguruskan perbelanjaan keluarga untuk mencapai imbalan perbelanjaan semasa. Ketua keluarga perlu sediakan tabung tertentu dan pecahan keperluan untuk mencapai pengurusan kewangan keluarga yang bijak.

Contoh pecahan keperluan dan tabung kecemasan yang setiap keluarga tetapkan ialah:

1. Belanja barang dapur
2. Duit ansuran rumah dan kereta
3. Tabung simpanan
4. Tabung pendidikan anak-anak
5. Bil utiliti
6. Tabung percutian
7. Perlindungan takaful (insurans)
8. Hiburan
9. Tabung pencer

### Sesi Libat Urus PERKESO Bersama Pertubuhan NGO Wanita Sarawak

17 OGOS 2021

Sesi Libat Urus PERKESO telah diadakan pada hari ini dengan sepuluh (10) buah Pertubuhan NGO Wanita di Sarawak termasuk Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) melalui online video conferencing-Webex. Salah satu skim yang perlu direbut oleh wanita yang bekerja sendiri daripada pelbagai sektor formal ialah SPS Prihatin Wanita.

SPS Prihatin Wanita adalah bantuan Kerajaan di bawah Pakej PEMERKASA bagi menyediakan perlindungan keselamatan sosial di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS), PERKESO yang dikhushuskan kepada semua wanita yang bekerja sendiri daripada pelbagai sektor informal.

Siapakah yang layak memohon SPS Wanita?


- Bertaraf warganegara Malaysia / pemastautin tetap tanpa mengira had umur
- Bekerja sendiri untuk mencari nafkah dan terbuka kepada semua pekerjaan informal
- Bekerja sepenuh masa atau separuh masa
- Bekerja di Malaysia
- Seorang wanita



## Webinar Berniaga Dari Rumah Kamek

20 OGOS 2021

Semenjak COVID-19 melanda di seluruh dunia, Malaysia tidak ketinggalan daripada menerima kesan daripada pandemik COVID ni. Keadaan ekonomi agak kurang baik, bahkan sudah ramai yang hilang pekerjaan terutama yang terlibat di dalam industri pelancongan, perhotelan dan pengangkutan. Bagi yang bernasib agak baik, mungkin masih ada pekerjaan tetapi ramai juga yang menerima tempias daripada pandemik ini seperti pemotongan gaji dan kerja lebih masa dihadkan. Ini menjadikan semakin ramai rakyat Malaysia yang berusaha untuk mencari usaha bagi menambahkan pendapatan. Oleh itu, dengan mengikuti webinar ini, ahli PPWS dapat menimba ilmu untuk memulakan perniagaan dari rumah. Anda dapat menjimatkan kos untuk menyewa kedai atau pejabat.



## E-Forum Menerokai Peluang E-Perniagaan: Jualan Atas Talian

26 OGOS 2021

**E-FORUM**  
**MENEROKAI PELUANG E-PERNIAGAAN:**  
**JUALAN ATAS TALIAN**

Dianjurkan oleh...  
Dengan kerjasama...

**SDEC**  
Sarawak Digital Economy Corporation

**SEDC**  
Selangor Economic Development Corporation

UCAPAN ALAMAT OLEH:  
YBhg. Datuk Hj. Norhayati binti Hj. Mohd Ismaili  
Program Pengajian  
Pembangunan Perdagangan Wanita Sarawak (PPWS)

**Moderator:**  
Puani Hayati Alzahra Edris  
Ketua Pengurusan Pengeluaran  
Agensi Bantuan Komersial  
Centexs Commercial Sarawak

**CENTEXS**  
Commercial Sarawak  
Iskandar Shafeen Yusof  
Anggota Badan  
CENTEXS Commercial Sarawak

**Sarawak Digital Economy Corporation (SDEC)**  
Dato' Nur Afifah binti Mohd Taib  
Pengerusi Jawatankuasa  
Perdagangan Online & Komersial

**Pembangunan Perdagangan Elektronik Sarawak (SEDC)**  
Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abdul Rahman  
Pengerusi Jawatankuasa  
Perdagangan Elektronik & Komersial

**26 Ogos 2021**  
10.00 PAGI - 12.00 TENGAH HARI

**LIVE**  
PPWS HQ  
JKK Keusahawanan

**Scan KOD**  
Silakan Scan KOD Pendaftaran

E-Forum Menerokai Peluang E-Perniagaan: Jualan Atas Talian telah disiarkan secara Live melalui Facebook. Keusahawanan digital menjadi topik perbualan popular mutakhir ini, lebih-lebih lagi pada saat penularan COVID-19 kini. Banyak perniagaan tidak dapat beroperasi secara fizikal, kedai dan restoran pula terpaksa ditutup. Pemilik perniagaan perlu berfikir bagaimana mempelbagaikan perniagaan serta mengalihkan kaedah berinteraksi dengan pelanggan melalui perniagaan digital.

Risikonya juga lebih rendah dan peniaga dapat menguruskan sendiri perniagaan mereka tanpa perlu mengupah ramai pekerja. Kos untuk memulakan sesebuah perniagaan konvensional biasanya lebih tinggi tetapi kos sewa kedai, ubah suai bangunan, upah pekerja dan lain-lain dapat dikurangkan melalui perniagaan dalam talian. Perniagaan ini juga berisiko rendah berbanding dengan perniagaan biasa. Peniaga tidak perlu mengeluarkan wang yang lebih untuk membeli atau menyewa aset seperti bangunan, peralatan dan kelengkapan lain. Penjimatan itu boleh digunakan untuk membeli stok, kos reka cipta laman web dan sebagainya.

Perniagaan dalam talian turut memberi peluang kepada peniaga beroperasi selama 24 jam setiap hari. Teknologi yang canggih kini membolehkan pengguna internet membeli-belah dalam talian pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Pelanggan bagi perniagaan dalam talian juga tidak terhad kepada kawasan setempat malahan mampu mencapai pelanggan di seluruh dunia.

Peniaga tidak perlu memantau urusan tempahan sepanjang masa kerana cuma perlu menyediakan sistem tempahan automatik untuk kemudahan pengguna seterusnya menguruskan urusan penghantaran tempahan sebaik sahaja pejabat pos dibuka. Justeru peniaga yang memilih kaedah perniagaan ini dapat menikmati kebebasan atau fleksibiliti waktu kerja tanpa menjelaskan sumber pendapatan mereka. PPWS mengambil inisiatif untuk menjemput panel-panel dari agensi seperti SEDC, SDEC, dan Centexs Commercial untuk mereka menerangkan fungsi dan platform *online* yang ada diwujudkan di bawah agensi mereka.

## Bengkel Penghasilan Video

Kreatif

Tema: Masakan Kreatif

27 OGOS 2021

Bengkel ini memberi pendedahan dan meningkatkan kemahiran dalam penghasilan video dan penyuntingan video. Penghasilan video yang baik dapat memberikan manfaat kepada sesiapa saja yang ingin menghasilkan video dalam YouTube, Instagram dan lain-lain media sosial untuk mempromosikan produk. Peserta telah berpeluang membuat video sendiri menggunakan latar suara masing-masing. Penghargaan terima kasih kepada Dr Azlina Bujang, Pensyarah Kanan dari Universiti Teknologi MARA Kampus Samarahan atas perkongsian ilmu yang diberikan.



## Online Onboarding Coaching Programme e-Board anjuran INSKEN

3 SEPTEMBER 2021

Tahniah diucapkan kepada lima (5) orang yang telah dipilih menghadiri Program On Boarding e-Commerce pada 2 sehingga 3 September 2021:

1. Puan Zaharah Bustami (Serunding Pucuk Ubi dan Cangkuk Manis- Sibu)
2. Puan Saripah Zuraidah Wan Hill (Kek Lapis Sarawak- Miri).
3. Saniah binti Morni (Kuih Tradisional- Kuching)
4. Dayang Halimah binti Abang Akim (Bumbu Bubur Pedas/Kuih Kering - Sri Aman)
5. Hellen Edward Brandah (Sabun Madu Propolis- Sri Aman)



Melalui program ini, mereka akan dibimbing selama tiga (3) bulan, dipantau selama satu (1) tahun untuk memastikan jualan mereka ditingkatkan melalui platform digital. Program ini memberi ilmu untuk meningkatkan jualan menggunakan platform online seperti Youtube, Whatsapp, FB, Shoppe, Instagram, Lazada dan Tiktok. Hasil daripada program ini, mereka akan transform ke arah pendigitalan perniagaan, peningkatan kepada jualan melalui platform online dan mereka dapat memperluas capaian kepada pelanggan.

## Webinar Pengurusan Sisa Rumah Dan Sampah Di Tempat Awam Serta Pengurusan Sampah Plastik

4 SEPTEMBER 2021



Penghasilan sisa pepejal semakin bertambah ekoran pertambahan bilangan penduduk di negara kita. Arus urbanisasi turut meningkatkan kadar pencemaran alam sekitar seperti pemanasan global dengan peningkatan kadar penghasilan sisa pepejal dari kawasan perumahan, industri, pusat komersial, kawasan pembinaan, institusi, perladangan dan sebagainya. Hal ini terjadi disebabkan kaedah pelupusan sisa yang kebiasaannya dibakar di kawasan terbuka dan ada yang dibuang terus ke dalam sungai atau laut. Pengasingan ini boleh dikelaskan kepada beberapa bahagian sisa yang biasanya dihasilkan atau dibuang dari rumah iaitu kertas, plastik, tin logam, kaca, sisa fabrik, sisa elektrik, sisa kebun dan sisa berbahaya. Pengasingan dibuat awal di rumah, sedikit sebanyak membantu mencegah pencemaran alam sekitar.

Webinar Pengurusan Sisa Rumah Dan Sampah Di Tempat Awam Serta Pengurusan Sampah Plastik telah dianjurkan oleh PPWS untuk memberi pendedahan bagaimana mengendalikan pengurusan sisa buangan yang tidak diurus dengan baik. Menjadi tanggungjawab individu mengasingkan sisa pepejal yang boleh dikitar semula sekaligus mengelakkan lambakan sisa di pusat pelupusan.

## Sesi Libat Urus Bersama Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak


6 SEPTEMBER 2021



Perjumpaan ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat terkini tentang teras program yang diwujudkan di bawah Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS) selain mewujudkan jalinan strategik dengan JWKS untuk program lain di masa akan datang. Turut hadir dalam sesi ini ialah Puan Norita Bawi, Pengarah Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak.


Ada 4 fungsi di bawah JWKS iaitu:

1. Bahagian Pembangunan Wanita dan Keluarga
2. Bahagian Pengupayaan Kapasiti Wanita dan Keluarga
3. Bahagian Sistem Sokongan Sosial dan Advokasi
4. Bahagia Khidmat Pengurusan



## Webinar Pengurusan Facebook Page

10 SEPTEMBER 2021



Webinar ini memberi pendedahan ilmu untuk peserta mengendali aplikasi Facebook dengan memahami ciri-ciri dan asas pengurusan Facebook Page serta mengetahui teknik menjana pendapatan digital Facebook Page untuk perniagaan selain meningkatkan follower, live stream, content, dan Facebook Page Catalog.

# E- Bengkel Mencipta Barang Baru Menggunakan Pakaian Lama

11 SEPTEMBER 2021



Tidak kira di mana anda berada, pasti ada sahaja barang-barang terbuang yang dapat anda lihat. Di dalam rumah, di luar rumah malah dimana-mana sahaja. Ada yang dibuang ke dalam tong sampah dan ada juga dibuang merata-rata.

Kemanakah barang-barang buangan atau sampah-sampah ini akan pergi? Ada yang diangkut ke tempat pelupusan sampah dan ada juga yang akan terus terbiar begitu sahaja.

Tapi ada satu lagi kemungkinan dan mampu memanjangkan hayat barang-barang terbuang ini iaitu dengan kitar semula. Kitar semula melalui proses pengilangan untuk dijadikan bahan asas semula atau diguna semula dengan cara yang berbeza rupa bentuk dan fungsinya.

Bengkel ini memberi kesedaran kepada ahli-ahli PPWS berkenaan dengan budaya kitar semula terutama barang lama yang tidak digunakan lagi yang dapat diinovasi menjadi barang baru. Kreativiti kitar semula kali ini memperlihatkan idea kreatif penggunaan barang terbuang yang dikitar semula menjadi satu barang lain yang berbeza rupa dan fungsi. Langkah ini dapat membantu pengurangan bahan buangan dan mengurangkan pembaziran penggunaan sumber semulajadi. Melalui bengkel ini, peserta juga dapat belajar membuat beg daripada seluar jeans lama. Idea kreatif sebegini boleh anda cuba sebagai sumbangan anda dalam memelihara alam sekitar. Idea kreatif yang dapat membuka minda atau pun memberi ilham dalam menggunakan barang terbuang kepada sesuatu yang lebih berguna.



Beberapa hasil jahitan beg daripada kain jeans terpakai yang dihasilkan oleh ahli PPWS setelah menghadiri bengkel anjuran UCSI University, RCE Kuching dan Worming Up pada 11 September 2021



## Webinar Komunikasi Berkesan Dalam Organisasi Dan Di Rumah


7 OKTOBER 2021

Dalam kehidupan seharian, komunikasi adalah sesuatu perkara yang penting. Ini kerana tanpa komunikasi, tidak akan wujud masyarakat yang aman dan harmoni. Selain itu, komunikasi dapat mengeratkan hubungan diantara dua belah pihak dengan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi semasa berkomunikasi didalam kehidupan sehari-hari. Kemahiran mendengar juga penting untuk memastikan sesuatu komunikasi itu berkesan.

Tips Komunikasi Berkesan ialah:

1. Anda sendiri perlu jelas dengan idea yang mahu disampaikan.
2. Anda perlu mengambil kira setting (Sosial, Budaya,Fizikal).
3. Anda gunakan body language yang sesuai mengikut setting yang betul.
4. Anda gunakan kemahiran gerakan badan seperti kontek mata, tunduk, ke depan, anggukan kepala.
5. Anda jadilah pendengar yang baik. Tumpukan sepenuhnya apa yang dibincangkan.
6. Anda perlu elakkan memonopoli perbualan.


Terima kasih kepada Encik Fairul Desa daripada LPPKN Selangor atas perkongsian kali ini. Terima kasih juga kepada peserta webinar yang mengikuti sesi pada hari ini.



## ( YGXC Ecopreneurship Workshop 2021)

4 - 5 NOVEMBER 2021

Tiga (3) orang belia dari PPWS iaitu Rhohanniza Amika (Setiausaha Eksekutif PPWS), Siti Aishah Rohiban (Pengelola PPWS Cawangan Kuching/Samarahan) dan Sofiani Usop (Pengelola PPWS Cawangan Miri/Bintulu) telah menghadiri YGXC ECOPRENEURSHIP WORKSHOP 2021 anjuran AZAM yang telah diadakan pada 4 sehingga 5 November 2021. Program ini bertujuan untuk mendedahkan ilmu *eco-prenuership* kepada belia dan juga berkemahiran untuk mengenalpasti isu alam sekitar dan menyelesaikan isu tersebut menggunakan model-model yang diajar dalam bengkel ini.



Sumbangan Sempena Bulan Ramadan



11 APRIL 2021

PPWS Perkumpulan Semarak sebelum menjelang Ramadan mengagihkan sumbangan kepada orang kurang berkemampuan.



Agihan Bubur Lambuk  
1 MEI 2021



PPWS Perkumpulan Semarak mengadakan aktiviti memasak bubur lambuk untuk diagihkan kepada penduduk kampung tersebut sebagai aktiviti menjelang Ramadan.



Program Jalinan Kasih Ramadan  
1 MEI 2021



Program Jalinan Kasih Ramadan diadakan dengan mengagihkan bantuan makanan di 7 Perkumpulan PPWS



14 APRIL 2021

PPWS Perguanian memberikan sumbangan kepada 5 buah keluarga yang memerlukan.



SEMURNI KASIH RAMADAN  
7 MEI 2021



PPWS Daerah Simunjan memberi sumbangan kepada warga emas dan anak yatim.



Pertandingan Pakaian Tradisional Anjuran PPWS Daerah Bau  
19 JULAI 2021



1

2

3

PPWS Daerah Bau dari Perkumpulan Kampung Atas, Bau mengadakan beberapa pertandingan melalui online antara aktiviti yang dijalankan ialah Pertandingan Pakaian Tradisional Bidayuh.

## Pertandingan Gubahan Bunga Anjuran PPWS Daerah Bau 19 JULAI 2021

PPWS Daerah Bau dari Perkumpulan Kampung Atas, Bau mengadakan aktiviti gubahan daripada bunga dan daun untuk dijadikan hiasan.



## Sumbangan Bakul Makanan Anjuran PPWS Daerah Lundu JULAI-SEPTEMBER 2021



Sumbangan bakul makanan telah dilaksanakan dari bulan Julai-September 2021 secara berperingkat. Setakat ini 38 bakul makanan sudah diserahkan kepada keluarga yang memerlukan. Aktiviti ini diketuai oleh Pengerusi Daerah Lundu/Sematan iaitu Puan Latifah Haji Hakim.

## Agihan Sumbangan Kepada Mangsa Kebakaran Di Kampung Tanjung/Sinjan 7 OGOS 2021



## Aktiviti Berkebun Perkumpulan Sejjag Plaman Serian



Aktiviti berkebun seperti menanam jagung dilakukan oleh ahli-ahli PPWS dari Perkumpulan Sejjag Plaman yang diketuai oleh Puan Antonia Tinggi.



Pemberian sumbangan kepada mangsa kebakaran di Kampung Tanjung/ Sinjan untuk 3 buah keluarga yang terlibat dalam kebakaran.

## Webinar Sempena Associated Country Women of the World (ACWW) Women Walk The World anjuran PPWS Cawangan Kuching/Samarahan 21 OGOS 2021

Program ini telah menjemput 2 orang penceramah iaitu Puan Norjanah Haji Razali (Area President ACWW South East Asia and The Far East) dan YBhg. Dr Azlina Bujang (Senior Lecturer UiTM/SFWI Member), memberi pendedahan kepada ahli-ahli PPWS tentang penglibatan PPWS dalam ACWW dan pemerkasaan wanita dalam inovasi dan teknologi.



**Sumbangan Kepada Mangsa Kebakaran  
7 FEBRUARI 2021**



Jawatankuasa PPWS Daerah Sri Aman telah menyampaikan sumbangan barang keperluan kepada 5 buah keluarga terlibat dalam kebakaran di Kampung Hilir Sri Aman

**Sumbangan  
Kepada Mangsa Kebakaran Di Saratok  
25 APRIL 2021**



Wakil Jawatankuasa PPWS Daerah Saratok menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima

**Sumbangan Makanan Keperluan  
Semasa Wabak COVID-19  
25 FEBRUARI 2021**



Wakil daripada Jawatankuasa Perkumpulan Kampung Tengah Betong bergambar bersama penerima sumbangan

**Program Sumbangan Bakul Makanan Kepada  
Ahli PPWS  
23 OGOS 2021**

Jawatankuasa PPWS Cawangan Sri Aman yang telah bertugas menyampaikan sumbangan bakul makanan kepada ahli-ahli PPWS yang memerlukan. Nestle dan BERNAS turut bekerjasama dalam program sumbangan ini.



**Mesyuarat Perwakilan PPWS Sesi 2021-2022  
Peringkat Daerah Dan Cawangan PPWS Sri Aman  
20 MAC 2021**



Penyerahan tugas antara Puan Yati Morshidi kepada Puan Hajah Saptyah, Bendahari Daerah Sri Aman



Penyerahan tugas antara Puan Nurul Najwai kepada Puan Shima Tudin, Setiausaha Cawangan Sri Aman

**Program Sanitasi Rumah Ke Rumah  
25 SEPTEMBER 2021**



Ahli-ahli PPWS Kampung Tengah Betong dengan kerjasama JKKK Kampung Tengah Betong mengambil inisiatif melakukan sanitasi di kediaman ahli-ahli kampung bagi mengawal penularan wabak COVID-19.

Majlis Penyerahan Tugas  
dan Sambutan Malam Ambang  
2021  
1 JANUARI 2021



Majlis diadakan di kediaman Pengerusi Perkumpulan, Puan Rabiah Saeed. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Pengerusi PPWS Daerah Sarikei 2021-2022 iaitu Puan Yong Sing Yee.

Mesyuarat Perwakilan PPWS  
Daerah Sibu Sesi 2021-2022  
9 JANUARI 2021



Pengerusi serta Pengelola Cawangan turut hadir ke mesyuarat untuk memastikan kelancaran mesyuarat serta menyarankan agar ahli-ahli menjaga kebersihan serta tatacara yang perlu dipatuhi mengenai wabak COVID-19. Pengerusi PPWS Daerah Sibu bagi sesi 2021-2022 ialah Puan Hajah Salemah Chali.

Sumbangan Pakaian Kepada  
Ahli PPWS Daerah Daro Yang  
Terkesan Dalam Kebakaran  
Rumah  
20 FEBRUARI 2021



Ahli PPWS Daerah Daro telah menyerahkan sumbangan pakaian terpakai untuk ahli yang terlibat dalam kebakaran di Daro.

Mesyuarat Jawatankuasa PPWS  
Daerah Sarikei  
7 MAC 2021



Selesai mesyuarat, Sesi Penyerahan Tugas antara Bekas Pengerusi Daerah Sarikei iaitu Puan Haidah Nor dengan Pengerusi Daerah Sarikei yang baru, Puan Yong Sing Yee turut dilaksanakan.

Program Info On Wheels (IOW) Dengan Kerjasama Jabatan  
Penerangan Daerah Sarikei  
7 MAC 2021



Mesyuarat Perwakilan PPWS Daerah Mukah Sesi 2021-2022  
20 MAC 2021



Mesyuarat Perwakilan PPWS Daerah Mukah Sesi 2021-2020 telah diadakan secara bersemuka di Hotel Kingwood Mukah.

Mesyuarat Perwakilan PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit Sesi 2021-2022  
28 MAC 2021



Mesyuarat perwakilan diadakan untuk memilih Jawatankuasa PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/ Kapit bagi sesi 2021-2022. Pengerusi PPWS Cawangan Sibu / Sarikei / Kapit ialah Puan Ummu Hani binti Junaidi.

### Program Bubur Lambuk



▲ 3 April 2021  
Jawatankuasa serta ahli dari Perkumpulan Kampung Baru Kapit sedang sibuk membuat persiapan untuk sesi agihan bubur lambuk.



▲ 9 April 2021  
Ahli dari Perkumpulan Seraja bergotong-royong memasak bubur lambuk di Balai Raya Sungai Ragei Mukah untuk diagihkan kepada masyarakat setempat bagi meraikan hari raya puasa yang bakal menjelma

### Mesyuarat Perkumpulan Emerald Kapit 8 APRIL 2021



▲ Perkumpulan Emerald Kapit telah mengadakan mesyuarat dan selesai bermesyuarat, mereka mengadakan aktiviti demonstrasi masakan.

### Bengkel Mengendalikan Aplikasi Google Meet 28 JUN 2021

Perkumpulan Bandar Baru Tanjung Manis telah mengambil inisiatif untuk mengadakan bengkel mengendalikan aplikasi online video conferencing - Google Meet bersama Jawatankuasa Perkumpulan ini. Kemahiran ini penting supaya mereka selasa menggunakan aplikasi ini semasa mesyuarat dan anjuran aktiviti Perkumpulan

### Pertandingan Bunga Tercantik Secara Atas Talian 11 APRIL 2021



PPWS Daerah Daro telah mengadakan Pertandingan Bunga Secara Atas Talian. Hadiah telah disampaikan kepada pemenang di Pasar Tani Daro dan hadiah disampaikan oleh Puan Hapipah, Pengurus Daerah Daro.

### Sumbangan Kepada Masjid An-Nur Sibu 12 APRIL 2021



▲ Sumbangan air mineral kepada Jawatankuasa Masjid An-Nur sempena bulan Ramadan telah disampaikan oleh Puan Shahiba Paktar, Setiausaha Daerah Sibu dan Pengelola Cawangan, Puan Maimunah Yusuf.

### Mesyuarat Jawatankuasa PPWS Cawangan Sibu/Sarikei/Kapit 26 JUN 2021



Mesyuarat membincangkan tentang aliran informasi PPWS, Ikrar integriti, pelantikan Juru Audit Dalaman Sesi 2021-2022 dan KOPERWANIS. Mesyuarat turut dihadiri oleh Exco PPWS Cawangan Sibu/ Sarikei/Kapit.

### Mesyuarat Perkumpulan Abang Barieng Sibu 25 APRIL 2021



Jawatankuasa Perkumpulan Abang Barieng Sibu telah mengadakan mesyuarat bagi membincangkan perancangan aktiviti Perkumpulan. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Puan Hajah Salemah Chali

### Program Kasih Di Hati Kami PPWS Abang Barieng 25 APRIL 2021



Program ini bertujuan memberi sumbangan kepada 73 orang asnaf serta anak yatim di sekitar lokasi PPWS Abg Barieng Sibu. Sumbangan ialah hasil kutipan derma daripada ahli-ahli PPWS Abg Barieng.



## Kelas Kek Lapis Premium ‘Khayati’ oleh Sajian Sarawak Anjuran Perkumpulan Lutong

**KEK LAPIS KHAYATI**

**BAHAN A**

- 160G MENTEGA
- 60GM PEANUT BUTTER
- 100GM GULA HALUS
- 12 BUIJ TELOR GRED A
- ½ TIN SUSU MANIS
- 1 SUDU MAKAN OVELLET
- 1 SUDU TEH ESEN VANILLA
- 100GM HOLICK
- 100GM TEPUNG ICE CREAM
- 100 GM TEPUNG COFFEE MATE
- 1 TIN KECIL KAYA
- 120ML SUSU SEGAR FULL CREAM
- 330GM TEPUNG GANDUM

**BAHAN B**

- PEWARNA UNGGU GELAP (KIM JOO)
- PEWARNA PUTIH
- PEWARNA BROWN
- PEWARNA UNGGU (KST) + 1 ½ SUDU WARNA PUTIH + 100GM BANANA POWDER (UNGGU MUDA)
- KACANG TUMBUK SECUKUPNYA

**CARANYA**

PUKOL MENTEGA GULA DAN OVELLET HINGGA KEMBANG  
MASUKKAN TELOR SATU PERSATU HINGGA HABIS, MASUKKAN ESEN VANILLA SUSU PEKAT HOLICK TEPUNG ICE CREAM KAYA COFFEE MATE AKHIR SEKALI TEPUNG SEDIKIT DEMI SEDIKIT BERSELANG SELI DENGAN SUSU SEGAR HINGGA HABIS.

**CARA MEMBAHKIR ADUNAN**

AMBIL 320GM ADUNAN DIBERI WARNA PUTIH (UNTUK 2 LAPISEN .1 LAPISAN 160GM)  
AMBIL 320GM ADUNAN DI BERI WARNA BROWN (UNTUK 2 LAPISEN .1 LAPISAN 160GM)  
AMBIL 320GM ADUNAN DI BERI WARNA UNGGU GELAP (UNTUK 2 LAPISEN .1 LAPISAN 160GM)  
SELEBIRH ADUNAN DIWARNAKAN DENGAN UNGGU MUDA DAN DI CAMPUR DENGAN BANANA POWDER.

**CARA MEMBAKAR**

SUHU 180 C  
API ATAS SAHAJA  
ACUAN 8 ½  
BAKAR ADUNAN MENGIKUT GAMBAR DI ATAS  
ADUNAN WARNA UNGGU MUDA HENDAK LAH DI BAKAR ½ MASAK SEBELUM DI PIPPING. SELEPAS DI PIPPING BARULAH DI BAKAR HINGGA MASAK. (ULANG DENGAN CARA YANG SAMA)



Kek Premium Khayati  
Sajian Sarawak

Pertandingan ini merupakan inisiatif PPWS Daerah Miri/Lutong untuk membuat saringan kepada peserta yang akan layak untuk bertanding sekali lagi di peringkat Cawangan. Makanan hendaklah dihasilkan mengikut resipi sihat daripada produk tempatan.

Dua kategori masakan dipertandingkan iaitu:

1. Makanan berat (nasi, makanan berdasarkan sumber protein serta sayur-sayuran/herba tempatan Sarawak)
2. Makanan ringan (kuah muih sihat) dan minuman sihat (jus sayur, jus buahan)

**Sesi Saringan:**  
**Pertandingan Masakan Resipi Sihat Tradisi Sarawak**  
**Sempena Program Dapur W.I Anjuran PPWS Daerah Miri/ Lutong**  
**2 OKTOBER 2021**



**Pertandingan Masakan Resipi Sihat Tradisi Sarawak sempena Program Dapur W.I  
16 OKTOBER 2021**



YB Datuk Sebastian Ting memberi sumbangan RM 5,000 untuk PPWS Cawangan Miri/Bintulu semasa merasmikan Pertandingan Resipi Makanan Sihat Tradisi Sarawak sempena Program Dapur W.I.



## Aktiviti Gotong Royong Di Bangunan PPWS Daerah Miri/Lutong 6 JANUARI 2021



Bendera Sarawak dan Malaysia digantung di sekitar pagar Bangunan PPWS Daerah Miri/Lutong bagi persediaan menyambut Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia



Ahli-ahli sedang sibuk membersihkan halaman bangunan dan menanam pokok bunga untuk menceriakan pemandangan di sekitar bangunan PPWS Daerah Miri/Lutong

## Projek Tanaman oleh PPWS Daerah Bintulu/Tatau 8 NOVEMBER 2021



▲ Polibag yang ditanam pokok cili

▲ Tanaman Sayuran Kangkung

▲ Tanaman labu

Tanaman cili secara fertigasi sedang diusahakan oleh ahli Daerah Bintulu/Tatau di Bangunan PPWS Bintulu. Sebanyak lima puluh (50) polibag cili ditamam selain tanaman sayuran lain seperti kangkung, labu dan sawi hidropotik. Ini merupakan usaha Program Dapur W.I untuk menggalakkan penanaman tanaman makanan di kawasan tapak tanah yang lapang selain membudayakan amalan hidup sihat. Tahniah Jawatankuasa PPWS Daerah Bintulu/Tatau dalam usaha ini.



▲ Tanaman cili secara fertigasi



▲ Tanaman Sawi Secara Hidropotik

## Program Sumbangan Sempena Bulan Ramadan anjuran PPWS Daerah Bintulu/Tatau 27 MAC 2021



▲ Jawatankuasa yang bertugas dalam program sumbangan



▲ Salah seorang penerima bantuan dalam program ini

## Program “Weight Loss Challenge” anjuran Perkumpulan Gartak 1 FEBRUARI - 3 MAC 2021



▲ Aktiviti senaman aerobik dilakukan selama tempoh 1 bulan



▲ Ahli-ahli yang berjaya menurunkan berat badan diraikan dalam satu majlis bertempat di Bangunan PPWS Daerah Miri/Tatau

Pertandingan Gubahan Bunga Anjuran PPWS  
Daerah Bau  
19 JULAI 2021



▲ Seramai 6 Orang Ahli Jawatankuasa termasuk Pengelola PPWS Cawangan Limbang - Lawas telah menghadiri Mesyuarat Perwakilan Induk 2021-2022 secara online di Pejabat PPWS Cawangan Limbang/Lawas.

Penyerahan Sumbangan Raya Gawai 2021  
3 MEI 2021

MAKSAK Wanita Limbang bersama PPWS Daerah Limbang dan anggota RELA menggembung tenaga memasak bubur pedas untuk diagihkan kepada 35 agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan, serta penduduk di sekitar Kampung Bunga Raya, Limbang sempena bulan Ramadan.



▲ Gambar kenangan bersama Jawatankuasa Pengelola Program



▲ Sebanyak 700 kontena bubur pedas telah sedia untuk diagihkan

Sumbangan Derma Kilat PPWS Daerah Lawas  
3 SEPTEMBER 2021



▲ Puan Suryah Jinin, Pengurus PPWS Daerah Lawas (tengah) menyerahkan sumbangan derma kilat kepada Puan Faridah Ahmad, Pengurus Perkumpulan Kampung Belangsat dan Puan Nornadhirah

Lawatan Exco PPWS Ke Limbang dan Lawas  
28 OKTOBER - 1 NOVEMBER 2021

Exco Limbang/Lawas iaitu Puan Hajah Hamimah Hasbullah dan Puan Hajah Jamilah Matasan melawat ahli-ahli di Limbang dan Lawas bagi memaklumkan berkenaan pengelolaan Pertandingan Masakan Resipi Sihat Tradisi Sarawak susulan daripada Program Dapur W.I dan juga perancangan program sempena sambutan ulang tahun ke-60 PPWS. Rombongan juga dibawa melawat Rumah W.I Kampung Benuas.



▲ Sesi bergambar bersama Exco PPWS Cawangan Limbang/Lawas



▲ Rombongan bergambar di Rumah PPWS Kampung Benuas, Limbang



▲ Sesi mesyuarat bersama Jawatankuasa PPWS Daerah Lawas bersama Exco Cawangan di Bangunan PPWS Daerah Lawas